



Our Compass

Ericsson Code of Business Ethics



ERICSSON

Mesej daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif kita

Mencapai kejayaan dalam dunia yang kompleks

Di Ericsson, kita berada di barisan hadapan untuk mencipta dunia dimana keterhubungan tanpa sempadan dapat meningkatkan taraf hidup, mendefiniskan semula perniagaan dan menerajui masa depan yang lestari. Kedudukan dan peranan yang kita dilakukan datang dengan tanggungjawab yang besar dan kita tidak boleh mengambil mudah akan tanggungjawab kita.

Kita telah membina organisasi global yang hebat dan berada di kedudukan yang baik untuk berkembang maju serta mencapai kejayaan—dengan lebih daripada 100,000 orang pekerja pelbagai bangsa merentas enam benua dan kita terus berkembang jauh mengatasi akar umbi Sweden yang dibanggakan. Untuk menjadi peneraju industri yang sebenar, kita juga mesti diiktiraf sebagai peneraju global dari segi **cara** kita menjalankan perniagaan kita dan **cara** kita beroperasi. Kepimpinan ini memerlukan penumpuan kolektif dan ini bermula dengan kepercayaan kepada diri sendiri, rakan sekerja dan syarikat kita: berfikir secara kritis, membuat pertimbangan secara wajar dan sentiasa bertindak secara berintegriti.

Salah satu tunjang tadbir urus kita, iaitu Kod Etika Perniagaan, menetapkan jangkaan kita terhadap para pekerja dan membimbing setiap daripada kita sepanjang kita membuat keputusan, mengurus risiko serta bekerjasama dengan rakan sekerja, pelanggan, rakan kongsi, pemilik dan pihak berkepentingan kita yang lain.

Integriti dan kecemerlangan operasi

Kita beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang kompleks. Persaingan sengit, ketegangan geopolitik, perubahan iklim, ketidaktentuan ekonomi dan konflik yang berlaku di serata dunia kini menjadi kebiasaan.

Sebagai prinsip pengasas di Ericsson, kita menganggap akses kepada keterhubungan sebagai keperluan asasi manusia dan berhasrat untuk menyokong matlamat ini di mana-mana sahaja, selagi para pekerja kita selamat dan selagi kita dapat beroperasi mengikut nilai teras kita serta demi kepentingan terbaik Ericsson.

Keupayaan kita untuk mencapai matlamat ini dan mengharungi kerumitan yang menyelubungi kita amat bergantung pada kakitangan dan budaya kita. Kita mesti bersikap optimis dan yakin di samping komited terhadap kepercayaan, ketelusan, komunikasi secara terbuka, bertindak menurut etika dan membuat pertimbangan secara wajar. Kita mesti terus menerapkan amalan ini dalam cara kita menjalankan kerja sehari-hari dan komited terhadap kecemerlangan operasi serta integriti merentas semua peringkat, membolehkan kita menyesuaikan diri, bersaing dan berjaya. Melalui amalan para pekerja kita yang wajar, kita akan memberikan kesan positif terhadap masyarakat—di mana-mana sahaja kita beroperasi.

Kita mesti terus memberikan tumpuan pada pelanggan kita, memberikan teknologi dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Walau bagaimanapun, kita sentiasa perlu bertindak demi kepentingan terbaik

Ericsson. Jika tindakan yang diambil tidak selaras dengan nilai teras kita atau bukan demi kepentingan terbaik syarikat kita, kita tidak sepatutnya melakukan tindakan itu.

Saya hanya memfokuskan pada usaha untuk memastikan bahawa Ericsson berada di kedudukan yang baik untuk mencapai kejayaan demi generasi akan datang. Namun, untuk berbuat demikian, kita semua perlu bersatu padu. Kita mesti memastikan bahawa kesilapan masa lalu tidak berulang pada masa hadapan. Untuk mera ke hadapan secara berkesan, kita perlu memahami dan belajar daripada masa lalu.

Kita sering membincangkan tentang perbuatan rasuah yang mendorong kepada penyelesaian dengan US Department of Justice (DOJ) serta US Securities and Exchange Commission (SEC). Kita telah mencapai kemajuan yang besar untuk menangani kelemahan organisasi yang telah membentarkan salah laku ini berlaku dan membina syarikat yang lebih kukuh. Namun, terdapat banyak lagi yang perlu dilakukan dan ini akan menjadi perjalanan yang berterusan melebihi usaha untuk memenuhi keperluan pemantauan semata-mata.

Tadbir urus kita dan Compass kita

Sebuah syarikat sebesar Ericsson memerlukan peraturan yang jelas tentang cara pekerja kita harus bertindak dan beroperasi. Compass kami ialah komponen utama Core Governance Pillars yang diperkenalkan untuk memberi penjelasan tentang cara kami membuat keputusan, memastikan akauntabiliti dan mengurus risiko.

Satu lagi Core Governance Pillars yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan sepanjang 2023 ialah Material Group Risk Protocol dan Business Risk Committee, yang mengawal cara kami mengurus risiko material. Maklumat lanjut berkaitan tonggak tadbir urus kumpulan yang lain akan dikongsikan sepanjang bulan-bulan akan datang.

Tonggak tadbir urus ini membentuk asas bagaimana kita beroperasi bersama dan memacu ketertiban, piawaian dan disiplin yang diperlukan dalam kerja kita. Ia direka untuk menyokong dan memudahkan kerjasama kami—and bukan untuk menggantikan pertimbangan manusia yang wajar dan perlu serta pemikiran kritis kami.

Kejayaan jangka panjang kita berlandaskan amalan membuat keputusan yang wajar dan ini melibatkan usaha untuk memastikan kita saling termaklum, mengemukakan soalan dan idea yang mencabar di samping mempertimbangkan fakta serta risiko secara teliti mengenai sesuatu keputusan. Keputusan yang kita buat tidak semestinya sempurna; ada faktor luar yang selalunya akan berada di luar kawalan kita dan masalah akan timbul sebaik sahaja pelaksanaan dilakukan. Namun, apabila kita bekerjasama dalam usaha ini dan dengan mengambil pendekatan yang diterangkan di atas, kita bergerak ke hadapan dengan penuh timbang rasa, sambil menyesuaikan diri dan berkembang maju bersama-sama, dan kita akan berjaya.

Kami harap agar semua orang berasa selesa untuk bersuara secara terbuka serta mencabar antara satu sama lain, dan talian penting untuk bersuara Ericsson sentiasa tersedia untuk apa-apa kebimbangan yang dibangkitkan jika sesiapa percaya bahawa jangkaan etika kita seperti yang dinyatakan dalam Compass berdepan dengan risiko. Jangan lupa bahawa bertanya soalan dan mencabar perkara yang berlaku turut disertakan dengan tanggungjawab. Ini bukan sekadar membangkitkan isu dan risiko tetapi turut membabitkan penglibatan dan memberikan penyelesaian secara konstruktif.

Dengan mengikut Compass kita, kita dapat memastikan bahawa keputusan dan tindakan kita adalah beretika dan Ericsson bertindak sebagai kuasa global yang positif. Melalui usaha ini, kita akan terus mendapat penghormatan dan mengekalkan kepercayaan, bukan sahaja daripada rakan sekerja, pelanggan, vendor, pelabur, bank dan rakan kongsi kita tetapi, yang pentingnya, daripada masyarakat secara keseluruhan. Kita semua mempunyai peranan sebagai pelindung Ericsson dan kita harus sentiasa mendahulukan tindakan yang betul.

Memandang ke hadapan

Saya amat percaya bahawa kepimpinan secara beretika akan memberi kita kelebihan daya saing dan terus membuat kita semua berasa bangga menjadi sebahagian daripada Ericsson. Kita tidak melakukan usaha ini untuk melengkapkan tugas atau memenuhi jangkaan luaran sahaja. Kita berbuat demikian untuk menjadi sebuah syarikat yang lebih kukuh dan memastikan kita berjaya untuk jangka masa panjang. Pada akhirnya, operasi yang dijalankan berlandaskan piawaian yang tertinggi dan perniagaan yang dilakukan secara bertanggungjawab serta berintegriti merupakan satu-satunya cara kita boleh mendorong perubahan yang sebenar dan positif. Masa depan syarikat kita bergantung pada usaha untuk mengubah budaya kita melalui cara yang menjadikan kita lebih kuat dan kita semua bertanggungjawab untuk memainkan peranan kita dalam transformasi budaya tersebut.

Pada akhirnya, sebab kejayaan kita adalah dan sentiasa, kerana para pekerja kita. Saya percaya bahawa kita mempunyai pekerja yang terbaik dalam industri dan tiada pasukan lain yang lebih bersedia untuk menangani cabaran yang kita hadapi serta merebut peluang baharu pada masa hadapan.

Mari kita fokus pada masa hadapan. Bersama-sama kita membina sejarah Ericsson yang seterusnya, yang dibina berlandaskan kepimpinan industri dan kepimpinan dalam cara kita menjalankan perniagaan. Saya tahu saya boleh berharap pada anda semua!


Yang ikhlas,

Börje Ekholm
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif





Gunakan Panduan kami



Panduan syarikat ialah panduan anda kepada prinsip-prinsip dan jangkaan etika Ericsson. Ia selaras dengan nilai-nilai profesionalisme, hormat dan ketabahan, yang membolehkan kami memimpin dengan integriti. Dengan merujuk secara kerap, anda boleh meyakini bahawa tindakan dan keputusan anda adalah selari dengan keperluan Ericsson bagi tatakelakuan perniagaan yang beretika.



Sentiasa ingat 3 P apabila anda bertindak untuk Ericsson

P¹ | Apakah **tujuan** tindakan saya?

- Adakah terdapat alasan perniagaan yang sah untuk tindakan ini?
- Adakah tindakan tersebut demi kepentingan Ericsson?
- Apakah risiko yang mungkin akibat tindakan tersebut? Bagaimanakah saya boleh mengurangkan kesannya?

P² | Apakah **prinsip** yang harus membimbing tindakan saya?

- Adakah tindakan tersebut sah di sisi undang-undang dan sejajar dengan Compass serta steering document kita?
- Adakah tindakan tersebut beretika dan sejajar dengan nilai kita?

P³ | Bagaimanakah tindakan saya akan **ditafsirkan**?

- Bagaimanakah tindakan saya akan dilihat jika dipaparkan dalam berita?
- Adakah tindakan saya akan menjaskan reputasi Ericsson?

Isi Kandungan

● Our Code, Our Compass		
1.1 Sentiasa sedar akan jangkaan etika Ericsson	07	
1.2 Ketahui tanggungjawab anda semasa bekerja untuk Ericsson	08	
1.3 Kemukakan aduan etika dan pematuhan	09	
● Kakitangan dan tempat kerja		
2.1 Layani semua orang dengan rasa hormat, terangkum dan bermaruah	11	
2.2 Sediakan tempat kerja yang adil dan disenangi serta hormati hak kesatuan sekerja	12	
2.3 Pastikan penjagaan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan	13	
2.4 Melarang dan mencegah aktiviti buruh paksa, pemerdagangan manusia serta buruh kanak-kanak	14	
● Perniagaan, pelanggan dan pembekal kami		
3.1 Jalankan perniagaan secara berintegriti – dan tidak bertolak ansur terhadap rasuah	16	
3.2 Bertindak demi kepentingan Ericsson	17	
3.3 Bersaing dengan kelebihan teknologi dan tawaran kami	18	
3.4 Hanya berinteraksi dengan pihak ketiga yang berkongsi komitmen terhadap integriti syarikat kami	19	
3.5 Menghormati undang-undang perdagangan antarabangsa dan pengubahan wang haram	20	
● Aset dan hak harta intelektual kami		
4.1 Lindungi maklumat sulit dan hak harta intelektual	22	
4.2 Gunakan maklumat dan aset syarikat secara bertanggungjawab	23	
4.3 Lindungi data peribadi	24	
4.4 Kekalkan kawalan kewangan yang betul dan cegah penipuan	25	
4.5 Berkomunikasi secara bertanggungjawab	26	
● Keterlibatan sosial dan alam sekitar kami		
5.1 Galakkan hak privasi dan kebebasan bersuara	28	
5.2 Dukung komitmen kita terhadap kelestarian alam sekitar	29	
5.3 Perkasakan dan sokong komuniti setempat	30	



Kod
Kakitangan
Perniagaan
Aset
Keterlibatan

01

Our Code, Our Compass

Kami komited untuk menjalankan perniagaan kami secara beretika dan bertanggungjawab – sepanjang masa

1.1 Sentiasa sedar akan jangkaan etika Ericsson

07

1.2 Ketahui tanggungjawab anda semasa bekerja untuk Ericsson

08

1.3 Kemukakan aduan etika dan pematuhan

09



Kod
Kakitangan
Perniagaan
Aset
Keterlibatan

Sentiasa sedar akan jangkaan etika Ericsson

Our Compass menggariskan jangkaan syarikat terhadap cara kami menjalankan perniagaan.

Code of Business Ethics merupakan Compass kami dan salah satu tunjang tadbir urus korporat Ericsson. Compass membimbing kami menjalankan perniagaan kami secara profesional, rasa hormat dan berintegriti.

Compass digunakan bukan sahaja terhadap pekerja tetap Ericsson, tetapi juga kepada mana-mana pihak di mana Ericsson mengawal kerja harian mereka dan ahli Lembaga Pengarah semua entiti yang dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh Ericsson. Kami memerlukan pihak ketiga yang bekerjasama dengan Ericsson mematuhi nilai yang terkandung dalam Compass kami dengan mematuhi Code of Conduct for Business Partners kami.


Kami bertanggungjawab untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Di samping itu, kami dikehendaki untuk mematuhi Compass dan semua steering document Ericsson yang terpakai kepada kami berdasarkan geografi, peranan kerja atau aktiviti yang kami usahakan. Apa-apa keperluan dalam dokumen ini untuk mematuhi Compass kami sentiasa termasuk keperluan untuk mematuhi steering document yang berkenaan. Akhir sekali, sekiranya mana-mana syarat di dalam Compass kami bercanggah dengan keperluan undang-undang, anda mesti sentiasa menggunakan standard yang lebih tinggi.

Kami menggunakan teknologi, termasuk kecerdasan buatan, secara bertanggungjawab, saksama dan beretika. Ini termasuk memberikan tumpuan pada pengawasan manusia untuk memastikan keselamatan, keterangkuman, ketelusan, privasi data, kebertanggungjawapan dan kesejahteraan masyarakat serta alam sekitar pada keseluruhannya.

Pelanggaran Compass kami boleh membawa kepada tindakan tatatertib, termasuk pemberhentian pekerjaan – tanpa mengira kedudukan anda dalam syarikat. Pada masa yang sama, kami memahami bahawa kadang-kadang kita melakukan kesilapan walaupun mempunyai niat yang baik. Jika hal ini berlaku atau

jika anda mempunyai soalan atau kebimbangan, jadilah insan yang bertanggungjawab, bersikap telus dan bersuara.

Jika anda tidak pasti cara steering document kami terpakai kepada anda, sila berbincang dengan pengurus anda untuk mendapatkan panduan. Anda juga boleh menghubungi unit yang berkaitan seperti People Function atau Group Function Legal Affairs & Compliance. Misalnya, Compliance Office, [Compliance Consultation Desk](#) dan [Ethics & Compliance Portal](#) menawarkan nasihat serta kelulusan yang berkaitan berhubung dengan hal etika dan pematuhan.



Learn more

Useful links

- [Our company story](#)
- [Ericsson on the Move](#)
- [EGMS App - PowerApps](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 1.1. of CoBE Relevant Documents](#)



Ketahui tanggungjawab anda semasa bekerja untuk Ericsson

Kami bertindak secara berintegriti pada setiap masa.


Selaras dengan tujuan dan nilai syarikat, kita mesti bertindak secara bertanggungjawab, bersikap jujur dan berintegriti semasa kita menjalankan perniagaan sebagai wakil Ericsson, tanpa mengira peranan kita. Ini bermakna kita mesti sentiasa bertindak secara berintegriti, walaupun ia bermakna kehilangan peluang perniagaan. Selain itu, kewajipan untuk bertindak secara berintegriti memerlukan setiap daripada kita mengemukakan aduan pematuhan jika ada di antara kita yang mengetahui atau mengesyaki akan pelanggaran undang-undang, Compass kami atau steering document kami atau mempunyai sebarang maklumat lain yang mungkin meletakkan Ericsson atau reputasi syarikat dalam risiko.

Apabila diminta, anda mesti bekerjasama sepenuhnya dalam mana-mana penyiasatan, pengauditan atau penilaian yang dijalankan oleh Ericsson atau pihak ketiga yang sah, termasuk memberikan akses dan tidak sesekali memusnahkan atau mengubah data, rekod atau komunikasi berkaitan dengan kerja di mana sahaja maklumat ini berada.

Selain itu, jika anda seorang pengurus, ahli Pasukan Eksekutif atau ahli Lembaga Pengarah, anda memainkan peranan yang sangat penting – anda bertanggungjawab untuk mendorong budaya berintegriti dan pematuhan!

Pemimpin dan pengurus hendaklah:

- Menggalakkan dan menyokong ahli pasukan untuk bertanya soalan dan berbincang dengan mereka tentang situasi etika yang mencabar
- Memastikan ahli pasukan dilatih dengan betul dan mengetahui cara mematuhi Compass serta steering document kami
- Mengelakkan daripada meletakkan pasukan di bawah tekanan yang berisiko mendorong secara tersirat kelakuan yang tidak beretika atau pelanggaran steering document kami
- Melaporkan kemungkinan salah laku dan menyokong ahli pasukan apabila mereka mengemukakan aduan



Learn more

Useful links

- [Compliance @ Ericsson](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 1.2. of CoBE Relevant Documents](#)



Kemukakan aduan etika dan pematuhan

Kita semua mesti bersuara jika ada sesuatu yang tidak betul.

Sekiranya ada sesuatu yang tidak betul:

- Laporkan kepada pengurus anda atau pihak atasan pengurus anda
- Laporkan kepada People Function atau Group Function Legal Affairs & Compliance atau
- Hubungi [Ericsson Compliance Line](#) (Apabila menggunakan Ericsson Compliance Line, anda boleh memilih untuk kekal tanpa nama jika dibenarkan di bawah undang-undang tempatan).

Ericsson Compliance Line dihoskan oleh pihak ketiga yang bebas, yang mengendalikan semua laporan secara selamat dan sulit. Tersedia 24/7 kepada semua pihak berkepentingan dalaman dan luaran merentas lebih 60 jenis bahasa.

Kita mesti bersuara apabila kita melihat atau mengesyaki pelanggaran Compass.

Kegagalan untuk bersuara boleh membawa kepada tindakan disiplin. Kebimbangan anda akan dinilai oleh Allegation Management Office yang mungkin mengemukakan soalan tambahan. Mereka mungkin disiasat oleh Corporate & Government Investigations atau dikendalikan oleh unit berkaitan yang lain.

Anda akan dilindungi daripada tindakan balas apabila anda mengemukakan aduan pematuhan yang sebenar secara jujur – kami tidak bertolak ansur terhadap tindakan balas dalam sebarang bentuk.

Sekiranya seseorang melaporkan aduan pematuhan kepada anda, sebagai seorang pengurus atau orang yang dipercayai, anda mesti melaporkan aduan ini kepada Group Function Legal Affairs & Compliance atau Ericsson Compliance Line. Walaupun anda mungkin perlu berbincang dengan pihak pelapor untuk lebih memahami tentang kebimbangan mereka sebelum melaporkan aduan tersebut, anda tidak harus cuba menjalankan penyiasatan anda sendiri kerana ini mungkin melibatkan isu undang-undang yang rumit.

Pengurus harus diberi kuasa untuk menyelesaikan sesetengah perkara, seperti isu prestasi dan ketidakpatuhan proses, tetapi mesti mengemukakan aduan pematuhan tentang etika perniagaan dan salah laku.

Anda sentiasa mempunyai hak untuk melaporkan aduan dengan kesatuan sekerja atau wakil majlis pekerja – tetapi anda mesti juga melaporkan kemungkinan pelanggaran Compass kami melalui saluran Ericsson yang betul.

Anda tidak perlu mengetepikan hak anda untuk mengambil bahagian dalam proses undang-undang sebaik sahaja anda membuat laporan. Jika anda melaporkan aduan pematuhan melalui saluran Ericsson, anda tidak perlu menandatangani perjanjian tanpa pendedahan.



Learn more

Useful links

- [Reporting Compliance Concerns](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 1.3. of CoBE Relevant Documents](#)



Kod
Kakitangan
Perniagaan
Aset
Keterlibatan

02

Kakitangan dan tempat kerja

Anda boleh mencapai potensi penuh anda dan berkembang maju di tempat kerja yang terangkum dan menyokong. Kami menghormati maruah setiap manusia dan mengendalikan operasi menurut semua hak asasi manusia dan buruh yang diakui di peringkat antarabangsa, termasuk peruntukan dalam International Bill of Human Rights dan International Labor Organization's Declaration mengenai Prinsip dan Hak Asasi di Tempat Kerja.

- | | | |
|------|---|----|
| 2.1 | Layani semua orang dengan rasa hormat, terangkum dan bermaruah | 11 |
| 2.2. | Sediakan tempat kerja yang adil dan disenangi serta hormati hak kesatuan sekerja | 12 |
| 2.3. | Pastikan penjagaan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan | 13 |
| 2.4 | Melarang dan mencegah aktiviti buruh paksa, pemerdagangan manusia serta buruh kanak-kanak | 14 |



Layani semua orang dengan rasa hormat, terangkum dan bermaruah

Kami memupuk persekitaran kerja yang menyokong, berdasarkan rasa hormat.

Tindakan melayani rakan sekerja dengan rasa hormat, bermaruah dan terangkum dapat memancarkan sikap terbaik semua orang dan inilah perkara yang betul untuk dilakukan. Di Ericsson, keselamatan psikologi pekerja kami adalah yang terpenting dan gangguan, ugutan, pembulian atau keganasan terhadap sesiapa sahaja adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Kami tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk gangguan, diskriminasi, tindakan balas, ancaman atau tindakan keganasan, termasuk:

- Gangguan secara fizikal, lisan atau bertulis yang ditujukan kepada pekerja atau mananya pihak ketiga yang menjalankan tugas (sama ada di pejabat, di luar pejabat atau dalam talian)
- Pembulian, ugutan, permusuhan, penghinaan, diskriminasi atau layanan buruk secara psikologi

- Ucapan, jenaka, gambar atau panggilan nama yang menyinggung perasaan atau meremehkan
- Perhatian atau hubungan fizikal yang tidak diingini atau pencerobohan privasi atau ruang peribadi yang lain
- Tingkah laku yang bertujuan untuk mengganggu atau mencegah aktiviti kerja yang normal

Kami sedar bahawa kepelbagaian menjadikan kami lebih kuat sebagai sebuah syarikat. Tempat kerja yang pelbagai dan terangkum membantu memastikan kami menarik bakat global yang terbaik, memupuk inovasi dan memberikan nilai yang terbaik kepada pelanggan kami. Kami mahu semua orang berasa dihargai dan terlibat.

Kita semua mesti menyumbang untuk menjadikan Ericsson sebuah tempat yang semua orang boleh berkembang dan berupaya – tanpa mengira faktor seperti latar belakang peribadi, perspektif kognitif atau kecacatan.

Anda mesti:

- Merekut, memberikan ganjaran dan menaikkan pangkat kakitangan berdasarkan prestasi
- Mencegah amalan nepotisme atau mendiskriminasi
- Menjauhi sebarang kelakuan yang boleh membuatkan seseorang pekerja berasa terpinggir atau tidak dialu-alukan. Hal ini terpakai di dalam atau di luar waktu bekerja, di dalam atau di luar premis Ericsson dan semasa acara luar atau perjalanan perniagaan.



Learn more

CoBE Relevant Documents:

- [See section 2.1. of CoBE Relevant Documents](#)
- Check with local People function for local steering documents

Learn more

Useful links 

- [Business and Human Rights Statement](#)
- [Respect for human rights](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 2.2. of CoBE Relevant Documents](#)
- Check with local People function for local steering documents

Sediakan tempat kerja yang adil dan disenangi serta hormati hak kesatuan sekerja

Kami menjunjung hak untuk semua orang menikmati keadaan kerja yang adil, selamat dan disenangi serta hak untuk membentuk dan menyertai kesatuan sekerja serta tawar-menawar secara kolektif.

Ini termasuk:

- Menerima dokumen bertulis dalam bahasa yang anda fahami serta menggariskan terma dan syarat asas pekerjaan anda
- Gaji yang adil dan berpatutan serta terma dan syarat, yang sekurang-kurangnya merangkumi gaji untuk hidup
- Rehat dan masa lapang yang mencukupi untuk menyokong keseimbangan kehidupan bekerja yang sihat, termasuk waktu bekerja mengikut standard antarabangsa
- Membentuk atau menyertai kesatuan sekerja bebas serta perundingan bersama.

Anda harus menghormati kebebasan berpersatuhan serta hak perundingan bersama semua rakan sekerja dan tidak menghadkan hak ini secara tidak sah. Anda tidak dibenarkan untuk melayani sesiapa dengan cara yang berbeza mengikut pilihan mereka untuk menyertai – atau tidak menyertai – suatu kesatuan sekerja atau organisasi yang serupa dan wakil kesatuan sekerja mestilah dapat berkomunikasi secara berkesan dengan para pekerja.





Pastikan penjagaan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan

Kami bekerjasama untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua.

Kami akan melakukan segala yang kami mampu untuk memastikan anda selamat serta selesa di tempat kerja dan kami menjangka anda akan melakukan segala yang mampu untuk menjaga diri anda serta orang lain yang bekerja dengan atau bersama anda. Matlamat kami ialah sifar kematian, kecederaan dan penyakit berkaitan dengan kerja. Kita semua perlu bekerjasama untuk mencapai Target Zero dan Ericsson Care merupakan pendekatan holistik kami untuk mencapai matlamat ini.

Anda mesti:

- Sentiasa bekerja secara bertanggungjawab dan menggunakan alatan dan kelengkapan perlindungan diri yang betul dengan selamat, melengkapkan latihan keselamatan yang diberikan serta mematuhi peraturan kesihatan dan keselamatan (termasuk Lifesaving Rules) untuk memastikan pekerja atau pembekal kita tidak ditimpa bahaya

- Membantu secara proaktif untuk mewujudkan persekitaran yang menggalakkan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan untuk semua
- Mengenal pasti, mengemukakan dan mengurangkan risiko kesihatan serta keselamatan
- Menggalakkan budaya bersuara yang selamat dari segi psikologi, dimana semua orang boleh melaporkan faktor yang menjadi rintangan kepada keselamatan serta kesejahteraan
- Mencegah risiko psikososial dan reka bentuk kerja yang buruk dengan menggalakkan beban kerja yang sihat dan peranan yang jelas di samping mengelakkan tuntutan yang bercanggah
- Tidak bekerja di bawah pengaruh alkohol atau bahan haram
- Tidak bekerja di bawah pengaruh ubat-ubatan, sekiranya perbuatan ini boleh membahayakan kesihatan atau keselamatan seseorang
- Melaporkan sebarang insiden melalui [Global Incident Reporting Tool](#) untuk mengelakkan insiden sedemikian daripada berulang
- Bersuara dan berhenti bekerja jika anda bimbang tentang kesihatan, keselamatan atau kesejahteraan anda atau rakan sekerja atau pembekal anda. Jika keadaan tidak diperbetulkan, anda mesti menghubungi pengurus anda dan wakil kesihatan serta keselamatan tempatan dan melaporkan isu tersebut dalam [Global Incident Reporting Tool](#).


Learn more

Useful links

- [Health, safety and well-being](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 2.3. of CoBE Relevant Documents](#)





Melarang dan mencegah aktiviti buruh paksa, pemerdagangan manusia serta buruh kanak-kanak

Kami bekerja di sini kerana kami telah memilih untuk bekerja di sini secara bebas dan kami menyokong hak kanak-kanak.

Di Ericsson, segala bentuk eksloitasi perhambaan – termasuk pemerdagangan manusia dan buruh paksa atau terikat – adalah dilarang sama sekali. Semua kerja yang dilakukan untuk Ericsson mesti dilakukan secara sukarela, konsensual dan bebas daripada paksaan atau ancaman. Kita semua bebas untuk meninggalkan pekerjaan atau penugasan setelah memberikan notis yang munasabah menurut undang-undang. Anda tidak harus bersetuju dengan sebarang permintaan untuk meninggalkan wang deposit atau dokumen pengenalan diri dengan Ericsson atau agensi pengambilan pekerja.

Anda dilarang membeli untuk diri sendiri atau orang lain atau membiarkan orang lain membelikan untuk anda, perkhidmatan seksual – atau perkhidmatan bersifat seksual yang lain – semasa menyertai perjalanan yang ditaja oleh syarikat atau berkaitan dengan perniagaan syarikat, tanpa mengira undang-undang tempatan.

Kami menegakkan serta mempertahankan hak kanak-kanak dan memastikan langkah perlindungan kanak-kanak dilaksanakan dalam semua interaksi kami dengan kanak-kanak. Kami melarang penggunaan buruh kanak-kanak secara tegas dan menerapkan prinsip pencegahan untuk mengelakkan bahaya kepada kanak-kanak sepanjang operasi kami. Umur seseorang mesti disahkan dan didokumenkan semasa proses pengambilan pekerja untuk memastikan mereka mencapai umur yang sesuai untuk bekerja.

Learn more

Useful links

- [Business and Human Rights Statement](#)
- [Respect for human rights](#)


CoBE Relevant Documents:

- [See section 2.4. of CoBE Relevant Documents](#)



Kehadiran buruh paksa

Masalah buruh paksa berleluasa secara global dan wujud dalam banyak industri. Anda harus mempertimbangkan risiko ini terutamanya semasa mengupah pekerja asing, menggunakan broker buruh atau tenaga kerja sementara. Anda tidak boleh meminta bakal pekerja membayar yuran pengambilan atau kos berkaitan dengan perkhidmatan yang lain. Peruntukan ini digunakan tanpa mengira agensi pengambilan pekerja digunakan atau tidak. Ericsson komited terhadap “prinsip majikan membayar” dan akan membayar balik apa-apa yuran pengambilan yang ditanggung oleh pekerja.



Kod
Kakitangan
Perniagaan
Aset
Keterlibatan

03

Perniagaan, pelanggan dan pembekal kami

Kami komited untuk menjalankan perniagaan secara berintegriti dan telus serta menjadi warga korporat yang bertanggungjawab.

-
- 3.1 Jalankan perniagaan secara berintegriti – dan tidak bertolak ansur terhadap rasuah 16
 - 3.2 Bertindak demi kepentingan Ericsson 17
 - 3.3 Bersaing dengan kelebihan teknologi dan tawaran kami 18
 - 3.4 Hanya berinteraksi dengan pihak ketiga yang berkongsi komitmen terhadap integriti syarikat kami 19
 - 3.5 Menghormati undang-undang perdagangan antarabangsa dan pengubahan wang haram 20

Learn more

Useful links

- [Anti-Corruption Compliance](#)
- [Gifts, entertainment and hospitality](#)
- [Contributions at Ericsson](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 3.1. of CoBE Relevant Documents](#)

Jalankan perniagaan secara berintegriti – dan tidak bertolak ansur terhadap rasuah

Kami tidak menggunakan pengaruh tidak wajar untuk meraih urus niaga.

Reputasi dan kepercayaan susah didapatkan dan mudah dihilangkan. Di Ericsson, kami tidak sesekali mencuba untuk mempengaruhi secara tidak wajar tindakan sesiapa sahaja. Tindakan menawarkan atau memberikan apa-apa faedah kepada penjawat awam, rakan sekerja, pelanggan atau pihak ketiga yang lain sebagai cara untuk mendapatkan keuntungan yang tidak wajar dianggap merasuh dan hal ini adalah dilarang sama sekali. Anda juga tidak boleh meminta atau menerima apa-apa faedah daripada sesiapa.

Kami tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk sogokan atau rasuah. Selain itu, Ericsson tidak akan memberikan sumbangan, secara langsung atau tidak langsung kepada parti politik atau ahli politik perseorangan kecuali untuk menyokong sumbangan sukarela pekerja yang dibenarkan di bawah undang-undang tempatan dan disokong di bawah peraturan pelaporan awam.

Anda mesti sentiasa memastikan bahawa hadiah, keraian, layanan, tajaan, sumbangan dan peluang pekerjaan mematuhi steering document kami dan undang-undang yang


berkenaan. Berikut ialah contoh keperluan mandatori yang direka untuk membantu bertindak secara sah dan patuh:

- Tidak sesekali memberikan sebarang faedah peribadi, seperti wang tunai, setara tunai, pinjaman, percutian atau faedah yang serupa kepada individu
- Berhati-hati apabila memberikan apa-apa kepada penjawat awam (atau ahli keluarga mereka) dan beringat bahawa prakelulusan dan peraturan yang lebih ketat harus dipatuhi
- Mendapatkan prakelulusan yang diperlukan dan mendokumenkan maklumat tersebut
- Tidak sesekali membuat pembayaran tidak wajar untuk mempercepatkan atau mendapatkan tindakan rutin kerajaan (pembayaran pemudahan), seperti pengeluaran visa, permit atau lesen
- Tidak menggunakan dana peribadi atau dana orang lain untuk melakukan sesuatu yang tidak dapat anda lakukan dengan dana korporat, misalnya pembelian hadiah haram seperti gading, dadah atau perkhidmatan seksual
- Berunding dengan GFMC Government & Advocacy atau Group Function Legal Affairs & Compliance sebelum bertemu dengan pegawai kerajaan



Pegawai awam merupakan ahli, pekerja atau wakil:

- Kerajaan – sama ada peringkat kebangsaan, wilayah atau tempatan
- Syarikat milik kerajaan atau dikawal oleh kerajaan
- Tentera, polis dan mahkamah
- Parti politik, calon untuk jawatan awam dan orang yang terdedah secara politik
- Pertubuhan awam antarabangsa (contohnya, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau Bank Dunia)
- Keluarga diraja





Bertindak demi kepentingan Ericsson

Kami bertindak secara pantas dan telus untuk mendedahkan apa-apa hal yang mungkin menimbulkan konflik kepentingan.

Semasa kita bekerja untuk Ericsson, situasi dimana penilaian profesional kita mungkin dianggap dipengaruhi oleh kepentingan lain yang berkaitan dengan hubungan dan peranan kita di luar Ericsson, boleh berlaku. Ini dipanggil konflik kepentingan dan hal ini tidak semestinya salah. Namun, setiap daripada kita bertanggungjawab untuk mengutamakan kepentingan perniagaan Ericsson. Setiap kali kita menyedari akan kemungkinan timbulnya konflik kepentingan, jangan abaikan. Kita harus memastikan bahawa hal itu didedahkan dan ditangani dengan betul.

Anda mesti:

- Mengelakkan konflik kepentingan apabila boleh dilaksanakan
- Mendedahkan semua situasi, transaksi dan perhubungan yang boleh menjurus kepada atau dianggap sebagai konflik kepentingan melalui [Ethics & Compliance Portal](#).

Compliance Office dan People Function akan membantu anda mengurus situasi tersebut. Contoh konflik kepentingan yang mungkin, termasuk:

- Menjalankan perniagaan dengan pihak ketiga yang menggaji atau dimiliki oleh ahli keluarga, rakan anda atau bekas rakan sekerja Ericsson
- Mengupah atau menyelia seseorang yang anda mempunyai hubungan peribadi dengannya
- Bekerja untuk pelanggan atau pembekal Ericsson pada masa lapang anda
- Bekerja di luar Ericsson atau melibatkan diri dalam urusan atau menyandang jawatan pengarah yang mengganggu prestasi kerja anda, memerlukan anda menggunakan maklumat atau aset sulit dan proprietari Ericsson atau mungkin mewujudkan hak harta intelektual
- Berinteraksi bagi pihak Ericsson, dengan pelanggan, pembekal atau pihak berkepentingan luar sebuah syarikat yang lain, yang anda merupakan pemilik atau mempunyai kepentingan kewangan yang ketara



Learn more

Useful links

- [Conflict of Interest](#)
- [Compliance consultation desk](#)
- [E&C Portal](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 3.2. of CoBE Relevant Documents](#)



Bersaing dengan kelebihan teknologi dan tawaran kami

Kami bersaing secara adil.

Kami tidak memburu kelebihan daya saing melalui amalan perniagaan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika. Anda tidak boleh mendapatkan atau menggunakan secara tidak wajar maklumat sulit, termasuk maklumat pembidaan kompetitif, milik orang lain. Anda mesti sentiasa bertindak mengikut undang-undang dan peraturan persaingan, antitrust dan perdagangan saksama yang berkenaan dalam semua urusan anda dengan pelanggan, pesaing dan pembekal. Ini bermakna anda tidak boleh mengikat apa-apa perjanjian atau mengambil bahagian dalam perbincangan yang mungkin menimbulkan keimbangan persaingan, seperti menetapkan harga, terma lain belian atau jualan, berkongsi maklumat sensitif yang bersifat kompetitif atau tingkah laku umpama kartel yang lain. Ini termasuk perjanjian dengan pihak ketiga

untuk tidak mengupah pekerja masing-masing atau menetapkan gaji. Penyalahgunaan kedudukan pasaran dominan turut dilarang.

Anda mesti berbincang dengan Group Function Legal Affairs & Compliance sebelum merundingkan perjanjian eksklusif atau tanpa persaingan atau jika anda mempunyai sebarang keimbangan tentang apa-apa hal persaingan yang lain.


Learn more

Useful links

- [Compliance consultation desk](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 3.3. of CoBE Relevant Documents](#)





Hanya berinteraksi dengan pihak ketiga yang berkongsi komitmen terhadap integriti syarikat kami

Kami hanya bekerjasama dengan pihak ketiga yang mematuhi standard integriti yang sama seperti yang kami tetapkan untuk pekerja kami.

Bekerjasama dengan pihak ketiga boleh mendatangkan risiko yang ketara, yang harus kita teliti dengan berhati-hati – agar nilai syarikat yang dipertahankan tidak terjejas. Perniagaan kami terus membina rangkaian pihak ketiga, seperti pengedar, rakan kongsi, pembekal, ejen atau perunding yang luas. Tindakan mereka mencerminkan reputasi syarikat kami sama seperti reputasi kami sendiri. Kami hanya berinteraksi dengan pembekal dan rakan kongsi lain yang berkongsi standard kami yang tinggi berhubung dengan integriti, hak asasi manusia, kesihatan dan keselamatan serta alam sekitar. Kami menjalankan perniagaan secara berintegriti, bertanggungjawab dan mematuhi keperluan undang-undang serta peraturan kerajaan di negara yang kami beroperasi, di samping mengharapkan pihak ketiga kami mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Learn more

Useful links


- [Ericsson Responsible Sourcing](#)
- [TPM at Ericsson](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 3.4. of CoBE Relevant Documents](#)

Anda mesti:

- Bertindak sebagai pemilik perniagaan sejati
- Hanya bekerjasama dengan pihak ketiga berkelayakan dan diluluskan melalui proses perolehan bertanggungjawab kita, termasuk proses [Third Party Management \(TPM\)](#). Tidak sesekali menggunakan pihak ketiga untuk melakukan sesuatu yang tidak dibenarkan untuk dilakukan oleh kakitangan Ericsson itu sendiri.
- Berinteraksi dengan pihak ketiga secara jujur dan telus serta memastikan mereka menandatangi dan komited terhadap Code of Conduct for Business Partners (atau peruntukan yang setara)
- Memantau secara aktif apa-apa syarat atas keputusan kelulusan pihak ketiga dibuat dan berhati-hati tentang bendera merah, perubahan material dan tanda amaran
- Menyimpan rekod pihak ketiga yang tepat, mengambil tindakan terhadap sebarang ketidakpatuhan dan melarang apa-apa percubaan untuk mempengaruhi keputusan melalui pembayaran yang tidak wajar





Menghormati undang-undang perdagangan antarabangsa dan pengubahan wang haram

Kami mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai untuk perdagangan antarabangsa serta pengubahan wang haram.

European Union (EU), Amerika Syarikat (A.S.) serta bidang kuasa lain menguatkuasakan undang-undang perdagangan dan sekatan; termasuk kawalan eksport dan kastam, embargo serta sekatan. Undang-undang ini mengehadkan individu, negara dan entiti yang kami boleh menjalankan perniagaan serta perkakasan, perisian dan perkhidmatan yang boleh kami sediakan. Mereka juga mengehadkan negara yang Ericsson sebagai sebuah syarikat dan kita sebagai pekerja, boleh menjalankan urusan.

Anda mesti:

- Berhati-hati dengan sebarang sekatan, kawalan import atau export yang mungkin dikenakan ke atas urusan perniagaan anda di atas nama Ericsson sebelum menjalankan urusan dan memastikan lesen diperoleh jika perlu

- Memastikan bahawa proses saringan sekatan Ericsson dilakukan sebelum kemasukan pihak ketiga baharu dan secara berkala selepas itu
- Menghubungi Trade Compliance di GFLA Global Risk & Regulatory apabila berasa ragu-ragu dan sebelum pergi ke mana-mana negara yang disekat untuk mendapatkan panduan tentang penggunaan telefon dan komputer kerja anda


Kami menyokong perdagangan bebas dan saksama serta komited untuk mematuhi peraturan boikot yang terpakai. Sentiasa mendapatkan nasihat daripada Group Function Legal Affairs & Compliance sekiranya anda tidak pasti akan kesahihan sesuatu tindakan atau jika anda diminta untuk mengambil bahagian dalam boikot.

Kami sentiasa berjaga-jaga tentang keperluan penyimpanan rekod dan pelaporan kewangan, undang-undang serta peraturan pengubahan wang haram dan undang-undang serta peraturan yang terpakai untuk terrorist financing. Pengubahan wang haram merupakan aktiviti menyalahi undang-undang dimana seseorang mencuba untuk menyembunyikan asal-usul sebenar wang yang diperoleh melalui jenayah. Terrorist financing adalah apabila dana digunakan untuk menyokong kegiatan

pengganas. Ericsson tidak memberarkan sebarang aktiviti yang menjurus kepada pengubahan wang haram atau terrorist financing. Apabila bekerja di kawasan yang bergiat dengan aktiviti pengganas, ambil langkah berjaga-jaga tambahan sebelum memberikan sebarang sumber kepada pihak yang tidak dikenali.

Anda mesti:

- Tidak sesekali terlibat dalam transaksi perniagaan sekiranya anda mengesyaki bahawa transaksi tersebut melibatkan dana yang berkaitan dengan aktiviti jenayah
- Mematuhi semua keperluan penyumberan secara bertanggungjawab dan usaha wajar Ericsson serta melaporkan sebarang bendera merah
- Sebelum pergi ke kawasan yang bergiat dengan aktiviti pengganas, pastikan anda mendapatkan keperluan dan nasihat Ericsson Security Office



Learn more

Useful links

- [GFLA Trade Compliance](#)
- [Trade Compliance Portal](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 3.5. of CoBE Relevant Documents](#)



Kod
Kakitangan
Perniagaan
Aset
Keterlibatan

04

Aset dan hak harta intelektual kami

Kami komited untuk melindungi aset dan hak harta intelektual syarikat kami serta maklumat dan aset yang diamanahkan oleh rakan sekerja, pelanggan serta pihak ketiga kepada kami

- | | | |
|------|--|----|
| 4.1 | Lindungi maklumat sulit dan hak harta intelektualy | 22 |
| 4.2 | Gunakan maklumat dan aset syarikat secara bertanggungjawab | 23 |
| 4.3. | Lindungi data peribadi | 24 |
| 4.4 | Kekalkan kawalan kewangan yang betul dan cegah penipuan | 25 |
| 4.5 | Berkomunikasi secara bertanggungjawab | 26 |



Lindungi maklumat sulit dan hak harta intelektual

Kami menggunakan maklumat sulit dan hak harta intelektual untuk tujuan yang betul dan dibenarkan.

Maklumat teknikal dan kewangan serta hak harta intelektual kami adalah sangat penting untuk kejayaan kami. Ini merangkumi maklumat penyelidikan dan pembangunan, paten, pelan dan strategi perniagaan serta produk dan maklumat pelanggan serta pembekal.

Anda mesti:

- Tidak membincangkan maklumat sulit di tempat awam atau di Internet
- Hanya mengakses atau berkongsi maklumat sulit jika terdapat alasan perniagaan yang sah untuk berbuat demikian
- Hanya menyimpan maklumat sulit dan berkaitan dengan perniagaan pada peranti Ericsson yang dibenarkan serta perkhidmatan awan

- Mengiringi pelawat anda di pejabat dan fasiliti Ericsson
- Tidak mengambil atau menggunakan maklumat Ericsson apabila anda meninggalkan syarikat – semua maklumat syarikat kepunyaan Ericsson.
- Tidak mencuba untuk mendapatkan maklumat sulit milik syarikat lain atau pihak ketiga secara tidak sah

Kita semua bertanggungjawab untuk berjaga-jaga terhadap ancaman keselamatan – seperti perisian hasad atau pancingan data – dan mengikut amalan terbaik untuk melindungi maklumat serta aset Ericsson.

- Hanya menggunakan perisian, peranti dan aplikasi pemesesan yang dibenarkan atau diluluskan
- Menyulitkan e-mel yang mengandungi sebarang maklumat sulit atau peribadi
- Melaporkan semua insiden keselamatan yang mungkin melalui **Security Incident Management System (SIMS)**.

Learn more

Useful links

- [Report security and privacy incidents](#)
- [Compliance consultation desk](#)
- [Security at Ericsson](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 4.1 of CoBE Relevant Documents](#)





Gunakan maklumat dan aset syarikat secara bertanggungjawab

Kami tidak akan melibatkan diri dalam apa-apa bentuk perdagangan dalaman dan menggunakan aset syarikat untuk tujuan yang sah sahaja.

Maklumat dalaman merupakan maklumat bukan umum dan penting mengenai Ericsson atau syarikat lain yang, jika didedahkan, akan memberikan kesan yang ketara terhadap harga instrumen kewangan dan sekuriti, seperti saham, bon atau derivatif. Penggunaan atau pemberian maklumat ini kepada orang lain untuk mendagangkan instrumen kewangan dan sekuriti adalah haram. Ini digelar perdagangan dalaman dan mesti dielakkan sama sekali.

Learn more

Useful links

- [Security at Ericsson](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 4.2. of CoBE Relevant Documents](#)


Anda mesti:

- Tidak membeli atau menjual instrumen kewangan dan sekuriti apabila mempunyai maklumat dalaman atau memberitahu orang lain untuk berbuat demikian
- Tidak berkongsi maklumat dalaman dengan sesiapa termasuk rakan sekerja kecuali berdasarkan keperluan, seperti yang diluluskan oleh ketua projek
- Berbincang dengan Group Function Legal Affairs & Compliance sebelum melakukan perdagangan sekiranya anda tidak pasti sama ada anda mempunyai maklumat dalaman



Semua pekerja Ericsson disyorkan agar tidak mendagangkan instrumen kewangan dan sekuriti Ericsson sepanjang tempoh 30 hari sebelum penerbitan laporan kewangan walaupun anda tidak mempunyai maklumat dalaman.

Gunakan sistem dan sumber IT Ericsson untuk aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan syarikat sahaja. Anda bertanggungjawab melindungi aset syarikat daripada penyalahgunaan, pembaziran, kecurian dan kehilangan. Ini termasuk tidak menggunakan sumber IT Ericsson untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang, mengganggu, berorientasikan seksual, memfitnah, provokasi antara kaum, melanggar hak asasi manusia atau berkaitan dengan penderaan seksual kanak-kanak.





Lindungi data peribadi

Kami memproses data peribadi secara bertanggungjawab dan sejajar dengan undang-undang privasi data.

Kami melindungi data peribadi dan menyokong usaha global untuk melindungi data tersebut. Data peribadi merupakan maklumat yang boleh dikaitkan dengan seseorang. Contohnya termasuk nama, alamat, nombor telefon, IMEI (International Mobile Equipment Identity), IMSI (International Mobile Subscriber Identity), foto, e-mel dan maklumat kad bank atau kad kredit.

Kami mematuhi prinsip privasi global dan undang-undang yang terpakai, termasuk General Data Protection Regulation (GDPR) EU. Kami juga mempunyai Binding Corporate Rules dan perjanjian berkontrak yang mengawal selia cara kami memproses serta berkongsi data.

Learn more

Useful links

- [Reporting security and privacy incidents](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 4.3. of CoBE Relevant Documents](#)

Anda mesti:

- Mengumpulkan dan memproses data peribadi mengikut undang-undang, prinsip perlindungan data yang terpakai dan steering document Ericsson serta arahan yang lain
- Memastikan orang yang kami peroleh data peribadi dimaklumkan dan boleh memahami sebab data itu dikumpulkan serta diproses
- Menggunakan data peribadi hanya untuk tujuan perniagaan yang sah dan penggunaan yang diluluskan bagi kerja anda
- Berkongsi data peribadi secara selamat dengan orang (di dalam dan di luar Ericsson, termasuk vendor, pelanggan dan rakan kongsi perniagaan lain) yang diberi kuasa untuk menerima serta memproses data tersebut sahaja
- Melaporkan sebarang pelanggaran data yang disyaki kepada [Security Incident Management System \(SIMS\)](#)





Kekalkan kawalan kewangan yang betul dan cegah penipuan

Kami merekodkan semua maklumat kewangan secara berhati-hati, tepat dan jujur.

Kita perlu mengambil langkah untuk mencegah penipuan dan penyelewengan kewangan. Kami mesti memastikan bahawa transaksi perniagaan kita direkodkan secara telus dan tepat. Tindakan membuat entri palsu atau rekod yang mengelirukan atau mengabaikan kawalan dalaman, adalah dilarang sama sekali dan mungkin menyalahi undang-undang. Sentiasa berbincang dengan Group Function Finance & Common Functions atau sokongan kewangan tempatan anda jika anda tidak pasti akan tindakan yang harus diambil atau mempunyai soalan atau keimbangan berkaitan dengan kewangan.

Learn more

Useful links

- [Ericsson Governance](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 4.4. of CoBE Relevant Documents](#)

Berikut ialah contoh keperluan mandatori untuk memastikan integriti rekod perniagaan kami:

- Menandatangani kontrak bertulis (bukan lisan sama sekali) dengan pelanggan dan pihak ketiga
- Memastikan kontrak kami mencerminkan asas transaksi komersial

- Mengelakkan daripada memberikan insentif luar biasa atau bersetuju dengan syarat yang tidak sejajar dengan kepentingan Ericsson
- Mematuhi tandatangan, autoriti perbelanjaan dan proses kelulusan yang berkaitan
- Merekodkan semua transaksi kewangan mengikut Ericsson Accounting Directives and Instructions
- Tidak sesekali meluluskan pembayaran perbelanjaan yang diragui atau dipersoalkan atau invois pihak ketiga yang tidak didokumentan dengan baik atau tidak lengkap
- Memastikan laporan perbelanjaan dan resit serta dokumen sokongan adalah lengkap, benar dan tepat
- Menggunakan kad korporat untuk perbelanjaan perniagaan yang sah
- Menyediakan semua dokumentasi sokongan yang benar dan tepat yang diperlukan untuk memastikan penyata kewangan yang tepat
- Menggunakan GL account yang betul untuk memastikan perakaunan yang tepat dan memeriksa kos kami secara berkala.





Berkomunikasi secara bertanggungjawab

Kami berucap bagi pihak syarikat hanya jika diberi kuasa untuk berbuat demikian dan berhati-hati semasa menyiaran kandungan di media sosial.

Reputasi kami bergantung pada ketelusan, ketepatan dan ketekalan pernyataan awam kami. Itulah sebabnya kami mempunyai langkah untuk memastikan maklumat yang tepat dikeluarkan. Langkah ini terpakai untuk pernyataan yang anda buat secara terbuka di media sosial atau di dalam artikel, kertas kerja, ucapan atau pernyataan lain yang berkaitan dengan perniagaan Ericsson. Walaupun kami menggalakkan kebebasan bersuara, setiap daripada kita bertanggungjawab dan mungkin dipertanggungjawabkan atas siaran atau ulasan media sosial di platform dalaman yang tidak selaras dengan nilai kami dan Compass kami.


[Learn more](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 4.5. of CoBE Relevant Documents](#)

Anda mesti:

- Menggunakan pertimbangan yang baik dan tidak menerbitkan atau menyiaran maklumat sulit tentang syarikat dan/atau orang yang berkaitan dengannya
- Menjelaskan bahawa pandangan anda merupakan pendapat anda sendiri dan anda tidak berucap bagi pihak Ericsson (melainkan anda diberi kuasa untuk berbuat demikian)
- Tidak menyiaran apa-apa yang boleh menimbulkan rasa malu kepada atau merosakkan reputasi Ericsson
- Menggunakan platform komunikasi dan kerjasama dalaman Ericsson (seperti Teams, Yammer, SharePoint dan Outlook) dengan rasa hormat dan inklusif, dengan mengambil kira perspektif orang lain





Kod
Kakitangan
Perniagaan
Aset
Keterlibatan

05

Keterlibatan sosial dan alam sekitar kami

Kami komited untuk menghormati hak asasi manusia, mengurangkan kesan persekitaran negatif dan menyokong pembangunan sosioekonomi merentas seluruh komuniti di tempat kami bekerja.

-
- 5.1. Galakkan hak privasi dan kebebasan bersuara 28
 - 5.2. Dukung komitmen kita terhadap kelestarian alam sekitar 29
 - 5.3. Perkasakan dan sokong komuniti setempat 30
-



Galakkan hak privasi dan kebebasan bersuara

Kami menghormati hak privasi dan kebebasan bersuara, iaitu dua hak asasi manusia berkaitan dengan teknologi yang kami sampaikan.

Kami percaya dengan sepenuh hati bahawa perkakasan, perisian, perkhidmatan dan penyelesaian kami membawa perubahan positif kepada orang lain. Pada masa yang sama, kami berusaha untuk mengurangkan dan meminimumkan risiko kemungkinan penyalahgunaan teknologi kami.

Kami juga amat menyokong kebebasan bersuara dan perlindungan privasi, secara individu dan kolektif dengan pihak berkepentingan yang lain.

Anda mesti:

- Menghormati, menggalakkan dan menyokong hak asasi manusia melalui pengambilan keputusan yang bertanggungjawab, termasuk semasa pembangunan produk, penggunaan dan

penjualan teknologi serta dalam hubungan perniagaan dengan pelanggan dan pembekal

- Menilai permintaan luaran yang boleh mempengaruhi kebebasan bersuara atau hak privasi individu dan memastikan permintaan tersebut adalah sah, sepadan dan perlu sebelum bertindak balas
- Mempertimbangkan risiko penyalahgunaan teknologi kami dalam urusan perniagaan, mengikut prosedur yang betul untuk mengurangkan risiko tersebut dan menyuarakan keimbangan jika risiko tersebut diabaikan atau tidak ditangani dengan sewajarnya
- Mengambil tindakan apabila terdapat tanda penyalahgunaan dan membatalkan urus niaga apabila perlu
- Tidak meneruskan peluang perniagaan yang kita tahu bahawa teknologi kita akan disalahgunakan atau apabila usaha pengurangan yang berkesan tidak dapat dilaksanakan



Learn more

Useful links

- [Business and Human Rights Statement](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 5.1. of CoBE Relevant Documents](#)



Kod
Kakitangan
Perniagaan
Aset
Keterlibatan

Dukung komitmen kita terhadap kelestarian alam sekitar

Program kelestarian alam sekitar kami mewujudkan perbezaan di seluruh dunia dan mewujudkan nilai bagi semua pihak yang berkepentingan.

Kami menggunakan pendekatan berdasarkan sains dan tiga asas (ekonomi-sosial-persekuturan) untuk mewujudkan kesan positif bagi pihak berkepentingan merentas operasi kami, portfolio kami dan masyarakat dimana kami beroperasi. Kami komited untuk meminimumkan kesan negatif alam sekitar daripada semua operasi dan aktiviti kami. Kelestarian alam sekitar merupakan pendekatan bersepada yang merangkumi semua unit kami – satu set minda yang kami kongsi sebagai sebahagian daripada tenaga kerja Ericsson.

Learn more

Useful links

- [Sustainability & Corporate Responsibility](#)
- [The Ericsson Lists of Banned and Restricted Substances](#)

CoBE Relevant Documents:

- [See section 5.2. of CoBE Relevant Documents](#)

Anda mesti:

- Menyumbang kepada cita-cita dan sasaran Ericsson yang berkaitan dengan kesan persekitaran operasi serta aktiviti dan kelestarian produk kami
- Meminimumkan perjalanan perniagaan dan mengutamakan pengangkutan darat daripada pengangkutan udara
- Mematuhi semua undang-undang, peraturan dan standard alam sekitar yang berkenaan dalam pasaran yang kami saungi
- Menyediakan semua dokumentasi sokongan, maklumat dan data yang diperlukan untuk memastikan pelaporan alam sekitar yang tepat
- Mengikuti semua keperluan, garis panduan dan cadangan produk yang berkaitan dengan persekitaran
- Melaporkan sebarang insiden yang berkaitan dengan kesan alam sekitar melalui [Global Incident Reporting Tool](#)





Perkasakan dan sokong komuniti setempat

Kami memperkasakan dan menyokong komuniti setempat untuk mendorong kesan positif.

Kami menilai dengan teliti sumbangan seperti keahlian, pemasaran bersama/aktiviti bersama, penajaan, derma dan kerjasama akademia untuk mengesahkan bahawa aktiviti ini selaras dengan strategi Ericsson untuk menyokong inisiatif yang bermakna, yang boleh memberikan kesan yang paling ketara. Kami melaksanakan usaha wajar untuk memastikan sumbangan ini bebas daripada sebarang konflik kepentingan sebenar atau yang mungkin – atau mungkin berkaitan dengan pembayaran yang tidak sah.

- Mendedahkan sebarang hubungan antara sumbangan dan pelanggan, pembekal, rakan kongsi, pegawai awam atau pekerja Ericsson atau bekas pekerja Ericsson

Semua pekerja Ericsson yang aktif sepenuh masa dan sambilan layak untuk menyertai [Ericsson Volunteers program](#) yang menyokong keinginan mereka untuk membantu komuniti setempat dan menyumbang secara positif kepada masyarakat.

[Learn more](#)

Useful links

- [Contributions at Ericsson](#)
- [Ericsson Response](#)


CoBE Relevant Documents:

- [See section 5.3. of CoBE Relevant Documents](#)

Untuk membuat sumbangan, anda mesti:

- Membuat permintaan untuk sumbangan mengikut the [Company-wide Process for Contributions](#)
- Memastikan bahawa kelulusan perniagaan, penilaian pematuhan dan semakan penerima, perjanjian yang didokumenkan, pelaksanaan dan bukti pembayaran semuanya direkodkan mengikut proses





ericsson.com/cobe
internal.ericsson.com/cobe